

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah jenis latihan dan kursus keusahawanan berbentuk digital yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian dalam menarik minat serta mendidik masyarakat menjalankan perniagaan atas talian dalam menjana pendapatan sampingan mereka.

JAWAPAN:

Demi memastikan masyarakat terus cakna dengan perkembangan industri perdagangan atas talian (e-dagang), Kementerian sentiasa tampil dengan program berkaitan perniagaan e-dagang dan telah menggunakan pendekatan NBOS secara kerjasama strategik antara pihak agensi Kerajaan, Institusi Pegajian Tinggi, Pihak Industri dan Persatuan e-dagang bagi menarik minat serta mendidik masyarakat untuk menjalankan perniagaan e-dagang.

Program - program tersebut adalah merangkumi perkara – perkara seperti berikut:

- i. **Perundangan** perniagaan e-dagang;
- ii. ***Pengenalan kepada*** perniagaan e-dagang; dan
- iii. **Perkongsian pengalaman** oleh usahawan e-dagang yang berjaya.

Capaian program – program yang telah dilaksanakan merangkumi golongan sasar seperti:

- i. **Usahawan perusahaan kecil dan sederhana** yang memerlukan e-dagang sebagai satu mod pemasaran;
- ii. **Usahawan muda** bagi memulakan perniagaan dengan kos yang rendah;
- iii. **Mahasiswa** bagi memahami kelebihan e-dagang dan cara yang betul untuk berniaga secara e-dagang; dan
- iv. **Suri rumah** bagi membantu mendapat pendapatan sampingan melalui e-dagang.

Dalam membangunkan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Kementerian sentiasa menganjurkan latihan bagi

memastikan para usahawan bimbingan KPDNKK mendapatkan pengetahuan yang secukupnya berkaitan bidang keusahawanan yang diceburi. Pelbagai bentuk latihan telah dan akan diadakan sama ada dalam bentuk kursus, lapangan (*on-the-job-training*) dan simulasi. Kementerian turut menawarkan latihan dan kursus berbentuk digital seperti kaedah strategi pemasaran melalui media sosial, perniagaan e-dagang yang efektif, latihan melalui perubahan kaedah pemasaran konvensional kepada teknologi semasa dan memaksimumkan kos pengiklanan melalui kaedah pemasaran digital. Kementerian juga sentiasa bekerjasama dengan agensi yang mempunyai kepakaran dalam bidang keusahawanan digital seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Agensi di bawah Kementerian iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia turut yang memberi tumpuan kepada skop perniagaan e-dagang melalui penganjuran Karnival SSM-ONE (Online Networking Entrepreneurs) untuk mendidik orang ramai secara amnya dan golongan peniaga secara khususnya berkaitan perniagaan menggunakan mod elektronik ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI]

SOALAN : 264

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha terbaru yang bakal dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam menguruskan mangsa pelarian yang memegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR).

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan mekanisme pengurusan pemegang kad UNHCR di Malaysia, satu Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Committee*) telah diwujudkan dengan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Kerajaan juga telah mewujudkan *Joint Task Force (JTF)* dengan pihak UNHCR bagi membincangkan isu-isu berkaitan pemegang kad UNHCR. JTF ini telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 6 Disember 2017 yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Dalam Negeri dan UNHCR.

Kerajaan juga telah mengambil satu pendekatan dan inisiatif bagi membantu sara hidup etnik Rohingya, Myanmar dengan mewujudkan satu Projek Perintis Kebenaran Bekerja Kepada "Pelarian" khasnya etnik Rohingya, Myanmar seramai 300 orang yang memegang kad UNHCR di dalam sektor perladangan dan perkilangan. Projek ini melibatkan kerjasama Jabatan, Agensi, syarikat swasta dan pihak UNHCR. Projek ini mula dilaksanakan pada 1 Mac 2017.

Selain dari itu, Kerajaan juga sedang mengenalpasti projek-projek berkaitan etnik Rohingya, Myanmar pemegang kad UNHCR mengenai pendidikan pra-sekolah dan sekolah rendah, kesihatan dan latihan kemahiran yang akan menggunakan sumbangan dana *Qatar Development Fund*. Ini merupakan persediaan bagi membolehkan etnik Rohingya, Myanmar ini diterima di negara ketiga atau pulang semula ke negara asal.

Sekian, terima kasih.